



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM/87/P2-1/14- Jld 47 (22).
Tarikh : 29 Feb 2016

SENARAI EDARAN

SEMUA PENGARAH HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH

Y.Bhg. Datuk,/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

BUKU PANDUAN PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH -TUGAS-TUGAS MENGIRINGI PESAKIT, PERKHIDMATAN AMBULAN, DARAT, LAUT DAN UDARA DAN MENGIKUT PAKAR PELAWAT KE HOSPITAL DAERAH.


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, sedia maklum, bahawa Buku Panduan Program PPS disediakan untuk menjelaskan pelbagai aspek yang berkaitan dengan Program Latihan Pegawai Perubatan Siswazah sejajar dengan keputusan terkini yang dibuat oleh Lembaga Kelayakan Perubatan bagi menangani pelbagai isu dan memantapkan lagi program latihan ini dan memastikan objektif untuk melahirkan pegawai perubatan yang kompeten, selamat dan bersikap professional dapat dicapai.


3. Bahagian ini menerima maklumbalas bahawa terdapat situasi di mana PPS diarah mengiringi pesakit secara bersendirian menerusi ambulan atau pengangkutan darat yang lain tanpa pengawasan pegawai perubatan senior. Oleh kerana PPS tidak memiliki Pendaftaran Penuh dan tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi, maka **tidak** sewajarnya PPS diarah mengiringi pesakit secara bersendirian seperti dinyatakan dalam **Bab 6, para 4** Buku Panduan Pegawai Perubatan Siswazah. Cabutan perkara tersebut adalah seperti dilampirkan. Pihak hospital diarahkan memaklumkan perkara ini kepada semua Pakar dan Pegawai Perubatan di Jabatan yang berkaitan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. HJ. AZMAN BIN HJ. ABU BAKAR)

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

 Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Pengarah
Kesihatan Keluarga
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Y.Bhg. Dato' Dr Hussain Imam bin Hj Muhammad Ismail
Ketua Perkhidmatan Pediatrik
Hospital Kuala Lumpur

Y.Bhg. Datin Dr Sivasakti a/p Velayuthapillai
Ketua Perkhidmatan Anesthesiologi
Hospital Kuala Lumpur

Y.Bhg. Dato Dr Premchandran a/l P.S. Menon
Ketua Perkhidmatan Ortopedik
Hospital Tengku Ampuan Afzan
Kuantan

Y.Bhg. Dato' Dr Abdul Jamil bin Abdullah
Ketua Perkhidmatan Pembedahan Am
Hospital Sultanah Nur Zahirah

Dr Toh Chin Lee
Ketua Perkhidmatan Psikiatri
Hospital Selayang

Dr Ravinchandran a/l Jeganathan
Ketua Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi
Hospital Sultanah Aminah
Johor Bahru

Kandungan Buku Panduan Program Pegawai perubatan Siswazah dan Cabutan perkara 3 dan 4 , Bab 6 Buku Panduan PPS**3. Tugas Rondaan Wad**

Objektif utama tugas rondaan wad oleh PPS adalah untuk memenuhi keperluan latihan dan perkhidmatan bagi memastikan kesinambungan rawatan pesakit di wad pada tahap optimum, kecuali bagi Jabatan Kecemasan.

4. Tugas-tugas Mengiringi Pesakit, Perkhidmatan Ambulan (Darat, Laut dan Udara) dan Mengikut Pakar Pelawat Ke Hospital Daerah

Pada waktu dan keadaan tertentu, terdapat pesakit yang perlu dirujuk ke hospital atau institusi lain bagi mendapat rawatan lanjut. Rujukan pesakit dari satu hospital ke hospital lain perlu diiringi oleh pegawai perubatan. Dalam hal ini PPS juga perlu diberi pendedahan, bagaimanapun mereka tidak boleh ditugaskan untuk mengiringi pesakit secara bersendirian. Mereka hanya boleh dibenarkan untuk turut sama mengiringi pesakit dengan pengawasan dari pegawai perubatan senior.

Selain itu, PPS mungkin juga boleh dibenarkan untuk mengikut Pakar yang ditugaskan membuat lawatan ke hospital daerah, pusat rawatan ambulatori atau pusat rawatan harian (*ambulatory care or day care center*) bagi memberikan peluang kepada PPS berkenaan mendapat pendedahan terhadap pengendalian kes-kes ditempat tersebut.

(Nota: terdapat cetakan yang tercicir mengandungi mukasurat ini. Oleh itu sisipan **ralat** tersebut perlulah dibuat dibuku panduan berkenaan).